

PENGUNAAN PETA PEMIKIRAN DALAM PEMBELAJARAN PENULISAN BAHASA MELAYU TINGKATAN TIGA DI SEKOLAH MENENGAH

(The Use of Thinking Map in this Learning Language Writing in the Middle School)

MOHD ZIKRI IHSAN MOHAMAD ZABHI

Sek. Keb. Laki-Laki Methodist
Kementerian Pendidikan Malaysia
zikrihsan@gmail.com

SHAMSUDIN OTHMAN

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
shamsudean66@gmail.com

ABDUL RASID JAMIAN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my

AZHAR MD. SABIL

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
azhar.sabil@upm.edu.my

Dihantar pada:

24 Disember 2019

Diterima pada:

20 Februari 2020

Koresponden:

zikrihsan@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu di salah sebuah sekolah menengah harian biasa kategori Kluster Kecemerlangan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kuasi eksperimen dan disokong pula dengan temu bual. Kajian kuasi eksperimen ini dijalankan ke atas empat orang murid tingkatan 3 yang dipilih sebagai responden kajian. Hanya satu kumpulan sampel sahaja digunakan dalam menjalankan kajian ini. melalui sesi pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) yang dilakukan, murid telah diberi ujian pra sebelum diberikan rawatan. Data dikumpulkan daripada skor pencapaian pada latihan, ujian pra, dan ujian pasca. Perbandingan perbezaan purata skor bagi keempat-empat jenis jenis peta pemikiran, iaitu peta bulatan, peta buih, peta alir, dan peta pelbagai alir ditunjukkan dengan jadual. Dapatan kajian disokong dengan temu bual dan responden menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pencapaian skor penulisan ulasan dan karangan menggunakan peta pemikiran berbanding dengan skor pencapaian dalam ujian pra. Data juga dianalisis menggunakan ujian-t satu sampel dan ujian-t pengukuran berulang. Keputusan ujian- t menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara pencapaian penulisan Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran dalam ujian pasca dan ujian pra dengan nilai $t=4.636$ dan $sig=0.019$ ($p>0.05$). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran berkesan dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu untuk murid tingkatan 3.

Kata kunci: Peta pemikiran, pembelajaran, penulisan, ulasan, dan karangan

Abstract: This study aims to examine the use of thinking maps in learning Malay Language writing in one of the regular daily secondary schools of the Cluster of Excellence category. The design of this study uses a mixed method, which is quasi experimental and supported by interview. This quasi experiment was conducted on four form 3 students selected as respondents for the study. Only one sample group was used to carry out this study. Through the learning and facilitator session (PdPc) performed, the students were given pre-test before treatment. Data was collected from achievement scores on training, pre-test and post-test. Comparison of the average differences of scores for all four types of thinking map, ie: map circle, bubble map, flow chart and multi flow map are shown by table. The findings were supported by interviews and the respondents indicated that there was an improvement in the score of the writing of the review and the essay using the thinking map compared to the achievement scores in the pre-test. The data were also analyzed using one sampel t-test and recurring measurement t-test. The results of the t-test showed that there was a significant difference between the achievement of Malay Language writing using thought map in post-test and pre-test with t-value of 4.636 and sig. -0.019 ($p>0.05$). The findings of this study prove that the use of thought map is effective in the teaching of Malay Language writing for form 3 students.

Keywords: Thinking map, learning, writing, reviews, essay maps

PENGENALAN

Bahasa Melayu sekolah menengah digubal dengan berfokuskan kepada hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Hasil pembelajaran yang berteraskan kemahiran bahasa seperti yang telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara kita pada masa kini amat menitikberatkan lima kemahiran asas yang diterapkan kepada setiap murid iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mengira dan kemahiran menaakul (Noraziah 2007). Kemahiran ini merupakan gabungan peraturan sistem bahasa dan dikukuhkan dengan elemen pengisian kurikulum.

Murid sekolah menengah hendaklah menguasai kemahiran tersebut berpandukan teknik pengajaran guru ketika menjalankan sesi pembelajaran dan pemudah cara (PdPpc) di dalam bilik darjah. Maka, guru yang mengajar seharusnya mempunyai strategi pengajaran yang baik untuk membantu murid mencapai objektif pengajaran dan seterusnya menguasai kemahiran-kemahiran yang dititikberatkan dalam Bahasa Melayu. Menurut Cohen dan Cowen (2011) pada masa kini, pengajaran guru lebih mengutamakan cara untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kehidupan moden. Menurut mereka lagi, selain kemahiran lisan, membaca dan menulis, murid perlu diberi pendedahan dan peluang dalam memahami penggunaan bahan berfikir visual, teknologi, dan juga media.

Pelaksanaan program oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid sekolah bertujuan untuk melahirkan murid yang berfikiran kreatif, kritis, dan inonatif. Salah satu alat yang boleh mendokong pelaksanaan program ini melalui penggunaan peta pemikiran oleh guru-guru Bahasa Melayu khususnya sewaktu melaksanakan sesi PdPc. Terdapat lapan bentuk peta pemikiran yang disesuaikan mengikut tajuk atau topik pengajaran. Peta pemikiran yang boleh digunakan oleh kanak-kanak seawal usia empat tahun ini telah menjadi alat berfikir berbentuk visual dan sesuai digunakan kerana mempunyai fungsi pemikiran yang tersendiri.

Guru yang menggunakan peta pemikiran sebagai bahan pengajaran untuk merangsang

pemikiran murid mampu mengasah pemikiran murid untuk memberikan pandangan dan sikap aktif dalam mentafsir maksud literasi yang ditunjukkan oleh guru (Hedge 2013). Justeru, penggunaan peta pemikiran adalah salah satu kaedah merangsang murid berfikir yang sesuai digunakan untuk mengajar penulisan Bahasa Melayu. Dengan menggunakan peta pemikiran yang ringkas dan mempunyai fungsi berfikir yang tersendiri, murid dapat mengingat fakta dan memahami maklumat yang hendak disampaikan dengan berkesan.

Peta pemikiran yang bersifat visual penting untuk meningkatkan tahap minat murid dalam pembelajaran bahasa seperti lisan, membaca, dan juga menulis. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan peta pemikiran yang digunakan oleh murid mampu menyelesaikan masalah secara lebih berkesan dan efektif (Cohen & Cowen 2011).

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan murid hanya menguasai menulis semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan sahaja dan bukan menguasai kemahiran itu sepenuhnya. Hal ini dapat dilihat daripada pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid tingkatan 3 yang masih belum mencapai peratusan yang boleh dibanggakan. Kebanyakan murid gagal menguasai kemahiran asas menulis dan seterusnya menyebabkan mereka tidak mampu menyiapkan dan menghasilkan latihan penulisan dengan baik. Keadaan ini juga mengakibatkan murid tidak memahami dan tidak mampu menghasilkan penulisan karangan yang bermakna.

Seterusnya, murid akan menghadapi masalah dalam menjawab soalan bahagian karangan dan seterusnya menjejaskan prestasi akademiknya. Menurut Noorazman (2009), murid perlu menguasai kemahiran menulis untuk memudahkan mereka menjawab soalan ujian secara bertulis. Maka, penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid amat dititikberatkan agar mereka mampu menjawab soalan ujian secara bertulis dengan baik dan seterusnya mencapai keputusan yang cemerlang dalam pentaksiran tingkatan 3.

Bagi murid tingkatan 3 bakal menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) kelak, mereka masih belum menguasai kemahiran mengolah isi karangan dengan baik seperti kekurangan idea, tahap penguasaan bahasa yang amat lemah, kosa

kata terhad dan tabiat membaca yang rendah (Amir dan Noor Zila, 2012). Strategi PdPc kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu perlu memberikan tumpuan dan fokus kepada keupayaan murid dalam memahami sesuatu tajuk dan mengenal pasti setiap perkembangan idea dalam pelbagai bentuk penulisan.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik merujuk kepada kaedah pembelajaran Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham 1987) sebagai kerangka konseptual kajian. Model ini merangkumi lima fasa, iaitu orientasi, pencetus idea, penstrukturkan semula idea, aplikasi idea, dan refleksi. Berpandukan model ini dan diubahsuai, satu kerangka konseptual telah dibina untuk diaplikasikan ke dalam kajian yang akan dilaksanakan. Melalui pendekatan model pembelajaran ini, guru boleh menjalankan proses PdPc dengan menggunakan peta pemikiran yang sesuai serta melaksanakan pengajaran secara lebih berkesan. Guru juga memainkan peranan sebagai pembimbing yang akan membantu murid untuk menemui ilmu baharu berdasarkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Maka, murid boleh menggunakan pengalaman sedia ada mereka untuk membina satu pengalaman yang baharu dalam pembelajarannya semasa menjalankan aktiviti perbincangan sebelum memulakan aktiviti penulisan.

Terdapat enam prinsip utama dalam teori ini yang mempunyai ciri-ciri seperti aktiviti berasaskan permasalahan, kekayaan situasi atau suasana, bentuk visual dan model mental, pembelajaran secara berkumpulan atau kolaboratif, belajar melalui kajian penyelidikan dan kaedah penilaian sejati. Biasanya, masalah-masalah yang dihadapi oleh murid dalam mata pelajaran atau subjek yang berkaitan dengan pendekatan disiplin akan diselesaikan berdasarkan model konstruktivisme. Guru memberikan topik pengajaran melalui peta pemikiran dan bukan hanya berbentuk tulisan sahaja serta memberikan galakan kepada murid supaya dapat menghasilkan kerja yang paling efektif.

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa pembelajaran bukan sahaja bergantung kepada guru, buku teks atau bahan-bahan yang disediakan tetapi persekitaran, situasi atau suasana juga

merupakan faktor penting yang dilihat dalam pendekatan konstruktivisme.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk :

1. Mengetahui keberkesanan antara empat jenis peta pemikiran (peta bulatan, peta buih, peta alir dan peta pelbagai alir) dalam PdPc penulisan Bahasa Melayu.
2. Mengetahui perbezaan pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu sebelum dan selepas penggunaan peta pemikiran dalam proses PdPc.
3. Melatih murid menstrukturkan idea-idea dalam penulisan Bahasa Melayu dengan menggunakan peta pemikiran.

PERSOALAN KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut :

1. Adakah wujud perbezaan tahap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu dengan penggunaan peta bulatan, peta buih, peta alir, dan peta pelbagai alir?
2. Adakah wujud perbezaan tahap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu dalam ujian pra dan ujian pasca selepas penggunaan peta pemikiran dalam proses PdPc?
3. Adakah murid mahir menstrukturkan idea-idea untuk penulisan Bahasa Melayu dengan menggunakan peta pemikiran?

HIPOTESIS KAJIAN

Beberapa hipotesis kajian telah disenaraikan untuk menjalankan kajian ini. antaranya seperti berikut:

- Ho1: Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta pemikiran (peta bulatan) terhadap tahap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu dalam ujian pra dan ujian pasca.
- Ho2: Tidak wujud perbezaan penggunaan peta pemikiran (peta buih) terhadap tahap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu ujian pra dan ujian pasca.
- Ho3: Tidak wujud perbezaan penggunaan peta pemikiran (peta alir) terhadap tahap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu ujian pra dan ujian pasca.

Ho4: Tidak wujud perbezaan penggunaan peta pemikiran (peta pelbagai alir) terhadap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu ujian pra dan ujian pasca.

Ho5: Tidak wujud perbezaan tahap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu pada pra ujian dan pasca ujian dengan penggunaan peta pemikiran.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN PETA PEMIKIRAN

Yahya dan Azmey (2012) yang melihat keberkesanan penggunaan strategi peta pemikiran dalam PdPc penulisan karangan berbentuk argumentatif. Kajian ini dijalankan terhadap 43 orang murid tahun 10 di salah sebuah Sekolah Menengah Arab di Brunei Darussalam. Hasil kajian menunjukkan penggunaan strategi peta pemikiran dalam PdPc telah berjaya meningkatkan pencapaian penulisan karangan berbentuk argumentatif murid. Justeru, bahan pengajaran berbentuk visual seperti peta pemikiran bukan sahaja memudahkan murid mengingat idea-idea penting, tetapi juga membantu murid dalam menghuraikan idea penting tersebut.

Ramai pendidik di luar negara seperti di Amerika telah dilatih untuk menggunakan peta pemikiran di dalam bilik darjah dan kemudiannya telah berkembang di United Kingdom, Kanada, New Zealand dan Australia (Thinking Maps Inc, 2011). Walau bagaimanapun, peta pemikiran dianggap sebagai satu inovasi baharu yang diperkenalkan pada tahun 2011 dan kajian mengenai penggunaannya masih tidak dijalankan secara meluas. Merujuk kepada kajian kecerdasan, peta pemikiran merupakan alat yang dapat menggabungkan proses pengajaran secara kognitif dan mempersembahkan maklumat secara visual dalam bentuk grafik (KPM, 2012).

Peta pemikiran juga dikatakan sebagai set alat berfikir grafik atau visual yang digunakan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta menjadi alat untuk penyelesaian masalah dalam membuat keputusan. Pada hakikatnya, peta pemikiran ini bukanlah satu kurikulum baharu, tetapi telah dijadikan sebagai alat berfikir yang membolehkan guru menyampaikan standard pengajaran yang sedia ada di dalam bentuk yang lebih bermakna kepada murid. Peta pemikiran ini

lebih berstruktur daripada alat-alat berfikir yang lain.

Penggunaan peta pemikiran boleh meningkatkan kemahiran murid untuk mengenal pasti isi utama dan isi huraian karangan Bahasa Melayu. Pernyataan ini selari dengan hasil kajian mengenai kesan penggunaan peta pemikiran dalam PdPc penulisan Bahasa Melayu telah menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran meningkatkan kemahiran penulisan karangan murid. Di samping itu, peta pemikiran juga berkesan dalam membantu murid meningkatkan kecerdasan dan kemahiran mereka mengukuhkan daya ingatan dan pemahaman (Jement 2010).

Merujuk kepada kajian Xaviers (2010) yang mengkaji tentang keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran tatabahasa, iaitu kata tanya terhadap murid tahun 5 telah menunjukkan murid tersebut dapat mengolah isi karangan keperihalan dengan lebih mudah. Kajian beliau telah jelas menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran bukan sahaja dapat membantu meningkatkan pengolahan isi penting dalam penulisan karangan murid, malah dapat memperkukuhkan kemahiran guru dalam mengajar karangan jenis keperihalan.

Peta pemikiran mampu meningkatkan kebolehan murid menulis karangan naratif. Kajian telah dijalankan kepada 25 orang murid (12 lelaki dan 13 perempuan) dari kelas 5 SD Negeri Karangasem III Surakarta Indonesia. Hasil kajian mendapati kualiti murid dalam proses pembelajaran Bahasa Indonesia untuk menulis karangan naratif telah meningkat dan kegiatan guru juga bertambah. Berdasarkan hasil kajian ini juga menyatakan kegiatan guru bertambah adalah disebabkan penggunaan peta pemikiran dalam proses penulisan kerana guru lebih banyak memberikan perhatian terhadap murid, mengelola kelas dan waktu pembelajaran. Selain itu, hasil kajian juga mendapati guru lebih mudah mengembangkan aplikasi dan lebih cekap membuat penutup pembelajaran serta lebih terlatih dalam mencipta suasana pembelajaran yang kondusif dengan menggunakan peta pemikiran (Eny Sulistyaningsih 2010).

Menurut Eric Jensen dalam buku beliau, "*Brain Based Learning*" (2000) yang menyatakan bahawa 80% daripada maklumat yang diterima oleh otak adalah berbentuk visual, 40% pula daripada gentian saraf yang disambungkan ke otak

adalah dihubungkan dengan retina dan sebanyak 36,000 mesej dalam bentuk visual dapat diterima oleh mata dalam masa satu jam. Maka, penggunaan peta pemikiran bertujuan merangsang kecenderungan semula jadi otak bagi mengesan corak, menetapkan bahasa visual biasa yang melintasi semua bidang kandungan dan membolehkan murid dalam menyambung maklumat baharu dengan pengalaman individu. Apabila murid menghasilkan peta pemikiran secara tidak langsung murid tersebut akan berbual dalam kalangan murid dan menghasilkan peta. Hal ini menunjukkan pembelajaran sebenar telah berlaku melalui penghasilan peta manakala murid-murid lain mendengar dan bertanya soalan (Rahimah & Zamri 2015).

KEMAHIRAN MENULIS BAHASA MELAYU

Kajian Abdul Rahman (2015) mendapati terdapat murid yang tidak berkeupayaan untuk menulis. Masalah yang dihadapi oleh sebilangan murid dikenal pasti dalam kajian iaitu murid tidak menepati kehendak soalan atau tidak selari dengan tajuk serta tidak menepati kehendak soalan atau tidak selari dengan tajuk serta tiada isi yang bernas. Masalah ini telah mengakibatkan murid bukan sahaja tidak menggambarkan isi penting yang berkaitan dengan tajuk karangan malah murid menulis karangan yang tidak mengikut format atau garis panduan untuk sesuatu karangan. Selain itu, murid juga mengalami kesilapan seperti membina ayat yang tidak mengikut struktur ayat yang betul dan tidak tersusun. Oleh itu, murid memerlukan bimbingan yang banyak dalam mencari isi penting berdasarkan kehendak soalan, menulis mengikut format dan struktur ayat yang betul untuk menghasilkan penulisan yang lengkap dan betul.

Dalam kajian Nor Hashimah (2010) yang melihat persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu didapati bahawa 32.4% daripada jumlah responden yang dikaji mengatakan bahawa kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu adalah terlalu luas dan sukar untuk dipelajari terutamanya penulisan karangan. Kajian ini turut menyamai hasil kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid (2010) menunjukkan 92% murid hanya belajar Bahasa Melayu kerana mata pelajaran ini wajib dan 90% murid beranggapan bahawa mata Bahasa Melayu mengelirukan dan susah dipelajari. Oleh

itu, murid menghadapi masalah dalam pembelajaran dan tidak oleh menguasai kemahiran menulis Bahasa Melayu dengan baik.

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Aziz (2000) mendapati kebanyakan murid menunjukkan kelemahan yang ketara dalam memahami kehendak tajuk karangan, tidak mahir dalam pemilihan kata, dan penguasaan tatabahasa yang kurang memuaskan. Kelemahan tersebut menyebabkan murid tidak dapat menjana idea atau isi-isi karangan yang seterusnya mengakibatkan murid tidak mampu menyusun atau mengolah idea atau isi untuk membentuk penulisan yang bermakna. Kelemahan ini seterusnya akan mengakibatkan murid gagal untuk mendapat gred yang baik dalam peperiksaan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuasi-eksperimen, yang melibatkan pelajar di dalam bilik darjah yang sedia ada (Wiersma 2000). Pengkaji memilih reka bentuk kajian ini kerana kaedah kajian ini sesuai untuk melihat perbezaan tahap pencapaian murid dalam penulisan Bahasa Melayu setelah sesuatu rawatan yang dilakukan terhadap satu kumpulan dan menilai kesan rawatan. Pengkaji juga menggunakan responden dalam bilangan yang kecil kerana pengkaji beranggapan responden ini mewakili keseluruhan murid tingkatan 3 yang berada di sekolah. Untuk menjimatkan masa dan kos, maka responden yang dipilih untuk menjalankan kajian ini ialah murid yang berada di sekolah tempat pengkaji bertugas.

Polulasi kajian ini terdiri daripada empat orang murid di sebuah sekolah yang berstatus Kluster Kecemerlangan. Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan teknik persampelan tidak rawak, iaitu memilih wakil murid tingkatan 3 yang terdiri daripada murid lelaki sahaja. Mereka dikumpulkan sebagai satu kumpulan rawatan tanpa adanya kumpulan kawalan untuk menjalankan kajian eksperimen ini.

Instrumen Kajian

Pengkaji telah menyediakan dua jenis instrumen yang diperlukan oleh pengkaji, iaitu senarai semak dan rekod pencapaian murid. Manakala instrumen

untuk murid pula berupa lembaran kerja penulisan yang diberikan kepada murid semasa menjalankan proses PdPc. Lembaran kerja tersebut disertai dengan peta pemikiran yang digunakan sebagai panduan kepada murid dalam menghasilkan karangan.

Selain itu, pengkaji juga menyediakan set soalan ujian pra dan set soalan ujian pasca kepada murid bagi mengesan tahap pencapaian murid dalam penulisan Bahasa Melayu setelah murid diajar untuk menghasilkan penulisan berpandukan peta pemikiran. Setiap sesi PdPc yang dijalankan mengikut rekod rancangan mengajar harian.

Prosedur Kajian

Kajian ini dimulai dengan merancang tajuk kajian, mengenal pasti jurang dan permasalahan kajian, merangka jangka masa kajian, dan menghasilkan soalan ujian yang menjadi alat kajian. Kajian ini dijalankan dengan permohonan kebenaran dari Pengetua dan juga memaklumkan kepada guru kelas tingkatan tiga berkenaan dengan murid yang dipilih menjadi responden kajian. Pengkaji seterusnya merancang dan menyediakan soalan ujian pra untuk dijawab oleh murid. Skor pencapaian bagi ujian pra direkodkan sebagai data kajian.

Setelah ujian pra dilakukan, pengkaji mula untuk menyediakan rancangan pengajaran harian dengan menjalankan sesi pengajaran penulisan menggunakan peta pemikiran. Sepanjang pengajaran dilakukan, pengkaji memberikan latihan penulisan berpandukan peta pemikiran kepada kumpulan eksperimen. Pengkaji telah melakukan lapan minggu pengajaran dan kemudiannya murid diberi ujian pasca. Pencapaian murid untuk ujian pasca juga direkodkan sebagai data kajian.

Analisis Data

Data yang diperoleh daripada responden dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS Windows Versi 22.0). Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan ujian-t supaya data tersebut dapat diringkaskan atau diklasifikasikan dan seterusnya dapat memudahkan pemahaman. Selain itu, Ujian t satu sampel digunakan untuk tujuan menentukan nilai-t, nilai signifikan (nilai p), min dan sisihan

piawai. Dengan ini, taburan kekerapan terhadap set data yang dikumpulkan dapat dilihat dengan jelas.

Dapatan analisis kajian juga akan dipaparkan dalam bentuk jadual serta dibincangkan mengikut setiap item berpandukan objektif dan soalan kajian yang ditetapkan. Ujian-t juga digunakan untuk menyusun data dan membuat rumusan serta menyampaikan rumusan dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh semua golongan.

DAPATAN KAJIAN

Ho.1: Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta pemikiran (peta bulatan) bagi penulisan ulasan dan karangan Bahasa Melayu.

Analisis ujian-t satu sampel digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian penulisan murid, iaitu ulasan dan karangan berpandukan peta pemikiran (peta bulatan) dalam pasca ujian. Hasil analisis ujian-t satu sampel tersebut ditunjukkan seperti Jadual 1. Merujuk kepada Jadual 1, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan pencapaian penulisan dalam pasca ujian dengan nilai min = 21.75, SP= 6.45. Keputusan ini juga berjaya menolak hipotesis nul (H_{01}) kerana menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta bulatan terhadap pencapaian penulisan murid dengan nilai-t = 3.383 dan sig = 0.043 ($p < 0.05$).

JADUAL 1: Ujian-t satu sampel perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu berpandukan peta pemikiran (peta bulatan) dalam ujian pasca

Peta Pemikiran	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Df	Sig.
Peta Bulatan	4	21.75	6.45	3.383	3	0.043

Peta pemikiran (peta bulatan) yang kerap digunakan sebagai panduan dalam penulisan kerana banyak maklumat yang boleh dijadikan isi dan huraian untuk menulis ulasan dan karangan. Terdapat peningkatan dalam skor pencapaian murid bagi penulisan bahagian ulasan dan karangan dengan menggunakan peta pemikiran (peta bulatan) sebagai panduan untuk menghasilkan karangan.

JADUAL 2 : Perbezaan pencapaian skor dan purata skor bagi penulisan Bahasa Melayu (ulasan dan karangan) dalam ujian pra dan penulisan dengan menggunakan peta pemikiran (peta bulatan)

Bil	Responden	Skor Penulisan Ujian Pra (45%)	Skor Penulisan dengan Peta Bulatan (45%)
1.	R1	6	15
2.	R2	29	27
3.	R3	6	16
4.	R4	12	25
Purata		13.25	20.75
Jumlah Perbezaan Purata Skor		7.50	

Ho2: Tidak wujud perbezaan penggunaan peta pemikiran (peta buih) terhadap tahap pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu ujian pra dan ujian pasca.

Analisis ujian-t satu sampel digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian penulisan murid iaitu ulasan dan karangan berpandukan peta pemikiran (peta buih) dalam ujian pasca. Hasil analisis ujian-t satu sampel tersebut ditunjukkan seperti Jadual 2. Merujuk kepada Jadual 2, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan pencapaian penulisan dalam pasca ujian dengan nilai min = 26.5, SP= 7.59. Keputusan ini juga berjaya menolak hipotesis nul (H_{02}) kerana menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta buih terhadap pencapaian penulisan murid dengan nilai-t = 3.490 dan sig = 0.040 ($p < 0.05$).

JADUAL 3: Ujian-t satu sampel perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu berpandukan peta pemikiran (peta buih) dalam ujian pasca

Peta Pemikiran	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Df	Sig.
Peta Buih	4	26.5	7.59	3.490	3	0.040

Penggunaan peta pemikiran (peta buih) sangat membantu dalam penulisan karangan jenis cerita atau pengalaman hidup murid. Peta pemikiran (peta buih) juga membantu dalam mempelajari tatabahasa kerana menekankan penggunaan kata adjektif. Penguasaan kata adjektif yang baik membolehkan penulisan karangan atau ulasan dihasilkan dengan lebih mudah

berpandukan pada peta pemikiran (peta buih). Skor pencapaian penulisan responden juga menunjukkan peningkatan yang positif dengan menggunakan peta pemikiran (peta buih) berbanding dengan skor pencapaian penulisan dalam ujian pra seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4 : Perbezaan pencapaian skor dan purata skor bagi penulisan Bahasa Melayu (ulasan dan karangan) dalam ujian pra dan penulisan dengan menggunakan peta pemikiran (peta buih)

Bil	Responden	Skor Penulisan Ujian Pra (45%)	Skor Penulisan dengan Peta Buih (45%)
1.	R1	6	19
2.	R2	29	36
3.	R3	6	29
4.	R4	12	22
Purata		13.25	13.25
Jumlah Perbezaan Purata Skor		7.50	

Ho3: Tidak wujud perbezaan penggunaan peta pemikiran (peta alir) terhadap tahap pencapaian murid bagi penulisan ulasan dan karangan Bahasa Melayu dalam pasca ujian.

Analisis ujian-t satu sampel digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian penulisan murid iaitu ulasan dan karangan berpandukan peta pemikiran (peta alir) dalam ujian pasca. Hasil analisis ujian-t satu sampel tersebut ditunjukkan seperti pada Jadual 5. Merujuk kepada jadual, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan pencapaian penulisan dalam pasca ujian dengan nilai min = 21.75, SP= 6.45. Keputusan ini juga berjaya menolak hipotesis nul (H_{03}) kerana menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta alir terhadap pencapaian penulisan murid dengan nilai-t = 3.371 dan sig = 0.043 ($p < 0.05$).

JADUAL 5: Ujian-t satu sampel perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu berpandukan peta pemikiran (Peta Alir) dalam ujian pasca

Peta Pemikiran	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Df	Sig.
Peta Alir	4	21.75	6.45	3.371	3	0.043

Hasil penulisan murid adalah lebih baik, tersusun dan saling berkait dari segi isi dan huraian bagi setiap perenggan. Murid juga mencapai skor yang lebih baik dengan penggunaan peta pemikiran (peta alir) berbanding dengan ujian pra yang belum diberikan kaedah rawatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Perbezaan pencapaian skor dan purata skor bagi penulisan Bahasa Melayu (ulasan dan karangan) dalam ujian pra dan penulisan dengan menggunakan peta pemikiran (peta alir)

Bil	Responden	Skor Penulisan Ujian Pra (45%)	Skor Penulisan dengan Peta Alir (45%)
1.	R1	6	20
2.	R2	29	31
3.	R3	6	20
4.	R4	12	16
Purata		13.25	13.25
Jumlah Perbezaan Purata Skor		7.50	

Ho4: Tidak wujud perbezaan penggunaan peta pemikiran (peta pelbagai alir) terhadap pencapaian murid bagi penulisan ulasan dan karangan Bahasa Melayu dalam pasca ujian

Analisis ujian-t satu sampel digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian penulisan murid iaitu ulasan dan karangan berpandukan peta pemikiran (peta pelbagai alir) dalam pasca ujian. Hasil analisis ujian-t satu sampel tersebut ditunjukkan seperti Jadual 7. Merujuk kepada jadual, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan pencapaian penulisan dalam pasca ujian dengan nilai min = 22.25, SP= 5.90. Keputusan ini juga berjaya menolak hipotesis nul (H_{04}) kerana menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta pelbagai alir terhadap pencapaian penulisan murid dengan nilai-t = 3.764 dan sig = 0.033 ($p < 0.05$).

JADUAL 7: Ujian-t satu sampel perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu berpandukan peta pemikiran (peta pelbagai alir) dalam ujian pasca

Peta Pemikiran	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Df	Sig.
Peta Pelbagai Alir	4	22.25	5.90	3.764	3	0.033

Pernyataan responden daripada hasil temu bual menunjukkan bahawa peta pemikiran (peta pelbagai alir) lebih sesuai digunakan untuk penulisan yang berbentuk fakta dan penulisan jenis fakta agak sukar serta memerlukan aras pengetahuan yang tinggi. Oleh itu, bukan mudah untuk mencapai skor yang tinggi bagi penulisan berbentuk fakta. Walaupun demikian, skor pencapaian penulisan responden juga menunjukkan sedikit peningkatan dengan menggunakan peta pemikiran (peta pelbagai alir) berbanding skor pencapaian penulisan dalam ujian pra seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.

JADUAL 8: Perbezaan pencapaian skor dan purata skor bagi penulisan Bahasa Melayu (ulasan dan karangan) dalam ujian pra dan penulisan dengan menggunakan peta pemikiran (peta pelbagai alir)

Bil	Responden	Skor Penulisan Ujian Pra (45%)	Skor Penulisan dengan Peta Pelbagai Alir (45%)
1.	R1	6	18
2.	R2	29	31
3.	R3	6	20
4.	R4	12	20
Purata		13.25	22.25
Jumlah Perbezaan Purata Skor		9	

Ho5: Tidak wujud perbezaan pencapaian murid dalam penulisan Bahasa Melayu pada ujian pasca dan ujian pra.

Analisis ujian-t pengukuran berulang untuk membandingkan perbezaan pencapaian penulisan murid iaitu ulasan dan karangan dalam ujian pasca dan ujian pra. Hasil analisis ujian-t pengukuran berulang tersebut ditunjukkan seperti pada Jadual 9. Merujuk kepada jadual, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan pencapaian penulisan dalam pasca ujian dan pra ujian dengan nilai min = 8.75, SP= 3.77. Keputusan ini juga berjaya menolak hipotesis nul (H_{05}) kerana menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian penulisan murid yang signifikan dalam ujian pasca dan ujian pra dengan nilai-t = 4.636 dan sig = 0.019 ($p < 0.05$).

JADUAL 9: Ujian-t pengukuran berulang perbezaan pencapaian penulisan Bahasa Melayu dalam ujian pasca dan ujian pra

Peta Pemikiran	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Df	Sig.
Ujian Pasca-Pra	4	8.75	3.77	4.636	3	0.019

Dapatan kajian juga disokong dengan hasil temu bual dengan responden yang menunjukkan peningkatan skor pencapaian penulisan ulasan dan karangan dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka lebih mahir menghuraikan isi dengan ayat yang lebih gramatis. Penggunaan kosa kata juga bertambah dalam penulisan ulasan atau karangan seperti penanda wacana untuk menghubungkaitkan setiap perenggan. Oleh itu, terdapat perbezaan skor pencapaian penulisan dalam ujian pra dan ujian pasca seperti yang ditunjukkan pada Jadual 10.

JADUAL 10 : Perbezaan pencapaian skor dan purata skor bagi penulisan Bahasa Melayu (ulasan dan karangan) dalam ujian pra dan ujian pasca

Bil	Responden	Skor Penulisan Ujian Pra (45%)	Skor Penulisan dengan Peta Buih(45%)
1.	R1	6	14
2.	R2	29	33
3.	R3	6	16
4.	R4	12	25
Purata		13.25	22.25
Jumlah Perbezaan Purata Skor			

Selain itu, daripada hasil temu bual penyelidik dan responden mendapati bahawa terdapat peningkatan skor pencapaian penulisan dengan menggunakan empat jenis peta pemikiran dibandingkan dengan ujian pra yang telah dijalankan. Keempat-empat orang responden menyatakan bahawa markah penulisan ulasan dan karangan mereka telah meningkat setelah dibimbing dan menjadikan peta pemikiran sebagai panduan dalam penulisan. Responden juga berpendapat bahawa penggunaan peta pemikiran membolehkan mereka lebih seronok mempelajari penulisan Bahasa Melayu dan seterusnya mudah menulis ulasan atau karangan berdasarkan maklumat yang ada pada peta pemikiran. Maklumat pada peta pemikiran mudah difahami

dan membolehkan isi-isi tambahan (tersurat dan tersirat) bagi ulasan mudah dihasilkan yang membolehkan mereka mendapat penskoran yang lebih baik. Selain itu, penggunaan peta pemikiran menjadikan penulisan karangan yang dihasilkan dengan isi-isi yang lebih tersusun.

Penggunaan peta pemikiran seperti peta buih menunjukkan perbezaan skor yang ketara dalam penulisan ulasan dan karangan setelah kaedah rawatan diberikan kepada responden. Hal ini dikatakan demikian kerana peta buih menekankan penggunaan kata adjektif yang menceritakan ciri-ciri atau sifat sesuatu perkara. Keempat-empat responden mempunyai penguasaan tatabahasa yang baik bagi membolehkan mereka menulis karangan cereka atau cerpen dengan lebih baik berbanding dengan karangan jenis fakta atau karangan jenis berformat. Penulisan karangan atau ulasan berbentuk fakta yang menggunakan peta pemikiran (peta pelbagai alir) memerlukan tahap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah menjadi satu kesukaran kepada para responden kerana melibatkan isi-isi yang berkaitan dengan sebab dan akibat sesuatu peristiwa.

Namun, responden mendapat pencapaian skor dan purata skor yang agak baik bagi penulisan ulasan dan karangan menggunakan peta pemikiran (peta pelbagai alir). Penulisan karangan jenis keprihalan sesuai menggunakan peta pemikiran (peta bulatan dan peta alir). Pada pendapat keempat-empat responden, peta bulatan dan peta alir bukan sahaja membolehkan mereka menulis karangan jenis cereka atau cerpen mengikut urutan perkembangan peristiwa bagi tajuk karangan yang diberikan, bahkan juga memudahkan mereka mencatatkan peristiwa-peristiwa secara kronologi dan menyenangkan mereka untuk menulis karangan atau ulasan. Idea-idea penulisan disampaikan dengan lebih teratur dan saling berpautan antara perenggan dalam hasil penulisan. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian skor dalam penulisan ulasan dan karangan dalam kalangan responden dengan menggunakan peta pemikiran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

JADUAL 11: Perbandingan perbezaan pencapaian skor dan purata skor penulisan ulasan dan karangan responden dengan menggunakan empat jenis peta pemikiran

Bil	Pencapaian Skor	Responden				Purata Skor	Perbezaan Skor
		R1	R2	R3	R4		
1	Peta Buih	19	36	29	22	26.5	13.25
2	Pelbagai Alir	18	31	20	20	22.25	9
3	Peta Alir	20	31	20	16	21.75	8.5
4	Peta Bulatan	15	27	16	25	20.75	7.5

Merujuk kepada Jadual 11, responden mencapai purata skor yang agak tinggi, iaitu 26.5 dalam penulisan ulasan dan karangan menggunakan peta pemikiran (peta buih). Skor pencapaian ini menunjukkan terdapat perbezaan skor antara penulisan menggunakan peta pemikiran (peta buih) dengan ujian pra tanpa menggunakan peta pemikiran. seterusnya penggunaan peta pemikiran (peta pelbagai alir) menunjukkan pencapaian purata skor pada 22.25 yang juga menunjukkan peningkatan pencapaian skor responden bagi penulisan ulasan dan karangan dalam kalangan responden. Hasil temu bual ini menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran dalam PdPc penulisan akan lebih menyeronokkan dan dapat menarik minat murid untuk belajar penulisan Bahasa Melayu. Penggunaan peta pemikiran yang kreatif akan dapat menjana idea murid dalam menulis karangan atau ulasan. Bagi peta pemikiran (peta alir dan peta bulatan) pula mencapai purata skor 21.75 dan 20.75.

Kesimpulannya, penggunaan peta pemikiran memudahkan responden merangka ulasan dan karangan. Responden boleh menjana idea dan menyusun idea dalam penulisan ulasan dan karangan dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, responden dapat menulis ulasan dan karangan berandukan peta pemikiran dengan lebih baik adalah bergantung kepada jenis karangan dan aras pengetahuan responden.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran dapat membantu murid untuk menjawab soalan penulisan dengan lebih baik, terutamanya pada Bahagian Ulasan (Bahagian C) dan Bahagian Karangan (Bahagian D) dalam format terkini kertas Pentaksiran Bahasa

Melayu Tingkatan Tiga (PT3). Dengan berpandukan peta pemikiran, murid dapat menjana idea dan memperkembangkan isi-isi ulasan dan karangan secara lebih bernas. Sebanyak lima hipotesis yang dikemukakan untuk melihat perbandingan pencapaian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum dan selepas menggunakan peta pemikiran dalam pembelajaran penulisan.

Hipotesis 1 (Ho1) ditolak, iaitu tidak menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta bulatan terhadap pencapaian penulisan murid. Peta bulatan sesuai digunakan sebagai panduan oleh murid dalam aspek penulisan kerana terdapat banyak maklumat yang boleh dijadikan isi dan huraian untuk menulis ulasan dan karangan. Oleh itu, peta bulatan boleh dijadikan sebagai panduan untuk menghasilkan karangan.

Berdasarkan dapatan juga, jelas menunjukkan bahawa hipotesis 2 (Ho2), hipotesis 3 (Ho3), dan hipotesis 4 (Ho4) ditolak. Ho2, iaitu untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian penulisan murid, iaitu ulasan dan karangan berpandukan peta pemikiran (peta buih) menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta buih. Penggunaan peta pemikiran (peta buih) sangat membantu dalam penulisan karangan jenis cerita atau pengalaman hidup murid. Peta buih juga membantu dalam mempelajari tatabahasa kerana menekankan penggunaan kata adjektif. Penguasaan kata adjektif yang baik membolehkan penulisan karangan dihasilkan dengan lebih mudah berpandukan peta pemikiran (peta buih).

Ho3 pula untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian penulisan murid iaitu ulasan dan karangan berpandukan peta pemikiran (peta alir). Keputusan ujian menunjukkan penolakan hipotesis kerana dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan peta alir terhadap pencapaian penulisan karangan murid. Hasil penulisan murid adalah lebih baik, tersusun, dan saling berkait dari segi isi dan huraian bagi setiap perenggan yang dihasilkan.

Ho4 untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian penulisan murid iaitu ulasan dan karangan berpandukan peta pemikiran (peta pelbagai alir). Hasil ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian penulisan dalam pasca ujian. Pernyataan responden menunjukkan bahawa peta pemikiran (peta

pelbagai alir) lebih sesuai digunakan dalam penulisan berbentuk fakta dan penulisan jenis fakta yang agak sukar serta memerlukan aras pemikiran yang tinggi. Berpandukan peta pemikiran, murid bukan sahaja dapat mengoleh isi karangan dengan baik, tetapi juga dapat mengukuhkan penguasaan kemahiran bahasa seperti dinyatakan dalam kajian lepas Marzano (2013) dalam dapatan kajian beliau juga memperkatakan peta pemikiran bukan sahaja menjadi satu alat untuk berfikir secara kritis dan kreatif, malah juga boleh membantu murid menguasai kemahiran bahasa.

Dapatan kajian ini juga disokong dengan kajian Norfarahin (2014) yang mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran digunakan sebagai alat yang membantu peserta kajian memahami, menyelesaikan masalah, dan menjana idea secara kreatif dan seterusnya boleh mengikuti pembelajaran secara bermakna. Dapatan kajian daripada Yahya (2012) juga menunjukkan bahawa penggunaan peta minda dapat digunakan dalam menjayakan PdPc penulisan karangan argumentatif dalam kalangan murid di sekolah.

Perbandingan markah pencapaian murid bagi penulisan Bahasa Melayu dalam ujian pra dan ujian pasca turut dikenal pasti. Hipotesis (Ho5) menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian penulisan murid yang signifikan dalam ujian pasca dan ujian pra. Dapatan kajian juga disokong dengan hasil temu bual dengan responden yang menunjukkan peningkatan skor pencapaian penulisan ulasan dan karangan dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka lebih mahir menghuraikan isi dengan ayat yang lebih gramatis. Penggunaan kosa kata juga bertambah dalam penulisan ulasan atau karangan seperti penanda wacana untuk menghubungkan setiap perenggan.

Di samping itu, hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Wahidah (2011) yang mengatakan bahawa penggunaan peta minda berkesan untuk PdPc seterusnya boleh meningkatkan prestasi pencapaian dalam kalangan murid. Manakala Marzano (2013) dalam dapatan kajian beliau juga memperkatakan peta pemikiran bukan sahaja menjadi satu alat untuk berfikir secara kritis dan kreatif, malah boleh membantu murid menguasai kemahiran bahasa. Kajian ini turut boleh disokong dengan dapatan kajian Omardin (2011) dan Looi Kuang Siang (2012) yang mendapati penggunaan peta pemikiran dalam PdPc boleh menarik minat

murid untuk belajar dan memudahkan pemahaman murid terhadap topik atau sesuatu konsep yang dipelajari.

Penggunaan peta pemikiran turut membantu murid menstruktur idea-idea untuk menghasilkan penulisan dalam Bahasa Melayu. Hasil kajian Noor Hidayu (2015) turut menyatakan bahawa penggunaan peta pemikiran (peta bulatan) berkesan untuk membantu murid Cina yang lemah untuk menghasilkan ayat yang kohesif dan koheren dalam penulisan karangan mereka. Melalui peta bulatan, murid dapat merangka isi-isi dan menghubungkan setiap isi dalam penulisan pemerenggan dengan lebih baik. Kajian yang telah dijalankan oleh Freddy Xavier (2010) yang mengkaji tentang keberkesanan penggunaan peta minda bukan sahaja dapat membantu meningkatkan pengolahan isi penting dalam penulisan karangan murid, malah dapat memperkukuhkan kemahiran guru dalam mengajar karangan jenis keperihal.

KESIMPULAN

Kajian ini mengkaji tentang keberkesanan empat jenis peta pemikiran, iaitu peta bulatan, peta alir, peta pelbagai alir, dan peta buih dalam penulisan Bahasa Melayu secara umumnya. Daripada kajian ini, bahagian penulisan ulasan dan karangan diberikan penekanan kerana murid-murid agak lemah dalam mengoleh dan menghuraikan isi-isi penulisan berbentuk perenggan. Program peta pemikiran yang diperkenalkan di sekolah-sekolah adalah untuk menerapkan budaya pemikiran kreatif dan kritis serta KBAT yang dapat meningkatkan tahap pemikiran murid.

Tambahan pula, pendidikan pada masa kini mementingkan KBAT. Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan pemahaman, penguasaan bahasa dan pencapaian murid dalam penulisan Bahasa Melayu. Berdasarkan kajian juga beberapa cadangan telah dikemukakan untuk kajian-kajian lanjutan yang boleh dijalankan pada masa akan datang.

RUJUKAN

Abd Aziz Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.

- Abdul Rashid & Norhayat Marzuki. (2005). Persepsi guru terhadap penggunaan teknik permaian dan simulasi. Prosiding Seminar Pendidikan: Pendidikan untuk pembangunan Lestari. Tanjung Malim. 28-30 Ogos.
- Abdul Rasid Jamian & Hasnah Ismail. 2013. Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (2): 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 129-140.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran menulis membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 1 (1): 1-12.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 2 (1): 129-140.
- Chan Wai Ling. (2004). The effectiveness of using mind mapping skills in enhancing secondary one and secondary four students' writing in a CMI school. Diakses daripada <http://hdl.handle.net/10722/31749>. Pada September 2016.
- Chew Fong Peng & Lee Tuck. (2009). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. Kertas kerja 2nd International Conferens Issues in Language Teaching and Learning Amongst Non-Narative Speaker: Language Competence and Performance” 2-3 Disember.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof & Raja Mohd Fauzi Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif di kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*, 27: 3-26.
- Frey & Fisher, 2008. *Teaching Visual Literacy*. New York: Corwin Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013): *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Panduan Penggunaan Peta i-Think*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum..
- Md. Yusof Dawam. (2006). Mengajar kemahiran berfikir dalam mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah: Satu kajian di sebuah sekolah di Mersing, Johor. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan, Tanjung Malim*. Jabatan Pendidikan Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Meier, D. (2003). *The Accelerated Learning: Hand Book. Panduan Kreatif & Efektif merancang program pendidikan dan pelatihan*. Bandung: Kaifa.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Morrision Jement Anak Jonathan Kibing. (2010). Kesan peta minda dalam meningkatkan kemahiran mengenal pasti isi utama dan isi huraian karangan Bahasa Melayu murid Tahun Lima. *Prosiding seminar penyelidikan tindakan tahun 2010. IPG KBL. (BM Pendidikan Rendah)*, 211-223. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Nor Hashimah Jalaludin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap Bahasa Melayu. *Journal of Language Studies*, 7 (10): 3-10.
- Nor' Aini Ahmad. (2008). Tahap kemahiran ICT dalam kalangan guru bahasa Melayu sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badushah & Fairose Sulaiman. (2010). Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidik Bahasa Melayu, 12-18 Jun*.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Educational: An Introduction*. 7th Eds. Boston: Allyn & Bacon.
- Yahya Othman & Azmey Othman. (2012). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 32-45.

- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid. (2005). *Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.